

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN
KASSIM [ARAU]**

SOALAN

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapakah kos yang diperlu disediakan oleh pihak Kementerian dalam pemberian lebih banyak geran penyelidikan iaitu berkaitan kajian nilai nutrisi minyak sawit negara dan adakah kos peyelidikan ini termasuk dalam kajian yang dilakukan bersama MPOB dengan universiti luar negara.

JAWAPAN

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMke-11), Kementerian telah diluluskan kos projek berjumlah RM30 juta bagi penyediaan geran penyelidikan untuk menjalankan kajian klinikal bagi menilai tahap nutrisi minyak sawit, minyak sawit merah dan fitonutrien sawit seperti tokotrienol. Geran penyelidikan ini merangkumi penyelidikan yang dijalankan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan juga universiti luar negara termasuk King's College, London, United Kingdom; *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation* (CSIRO), Australia; *Chinese Nutrition Society, China* dan *National Institute of Nutrition*, Hyderabad, India.

Mengenai kos yang perlu disediakan, Kementerian sememangnya memerlukan kos tambahan untuk terus menjalankan lebih banyak kajian terutamanya kajian-kajian klinikal baharu berkaitan penggunaan minyak sawit.

Sekian terima kasih.